



RASULULLAH SAW BUKAN INSAN BIASA (SIRI 6)

ABDULLAH BUKHARI BIN
ABDUL RAHIM
KETUA JABATAN
TILAWAH AL-QURAN
CELPAD, IIUM



HIMPUNAN KELEBIHAN RASULULLAH SAW



TOPIK SIRI INI

- **ORANG YANG SOLAT BOLEH BERCAKAP DENGAN BAGINDA KETIKA DALAM SOLAT**
- **KEFARDHUAN SOLAT MALAM UNTUK BAGINDA**
- **MASJID BAGINDA ADALAH MASJID TERAKHIR**
- **BAGINDA TERPELIHARA DARIPADA SEBARANG GANGGUAN SYAITAN**

- **NASAB (HUBUNGAN DARAH) DAN PERSEMENDAAN DENGAN BAGINDA TAK PUTUS SEHINGGA KIAMAT?**
- **WAJIB CINTAI NABI MELEBIHI SEGALANYASEMUA NAMA BAGINDA MENGGAMBARAKAN SIFATNYA**
- **SEMUA NAMA BAGINDA MENGGAMBARAKAN SIFATNYA**

ORANG YANG SOLAT BOLEH BERCAKAP DENGAN BAGINDA KETIKA DALAM SOLAT

قَالَ عَبْدُ اللَّهِ كُنَّا إِذَا صَلَّيْنَا خَلْفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قُلْنَا السَّلَامُ عَلَى
جِبْرِيلَ وَمِيكَائِيلَ السَّلَامُ عَلَى فُلَانٍ وَفُلَانٍ **فَالْتَفَتَ إِلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ**
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنَّ اللَّهَ هُوَ السَّلَامُ فَإِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَقُلْ التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ
وَالصَّلَوَاتُ وَالطَّيِّبَاتُ السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ
عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ، فَإِنَّكُمْ إِذَا قُلْتُمُوهَا أَصَابَتْ كُلَّ عَبْدٍ لِلَّهِ صَالِحٍ
فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

Abdullah bin Mas'ud, menceritakan: “Apabila kami solat di belakang Rasulullah SAW, kami akan berkata Salam sejahtera kepada Jibril dan Mika'il, Salam sejahtera kepada si Fulan bin si Fulan. **MAKA**

RASULULLAH BERPALING LALU BERKATA: Sesungguhnya hanya Allah yang bernama “AS-SALAM.” Apabila kamu bersolat, maka bacalah:

“Segala kehormatan untuk Allah, segala keberkatan dan segala kebaikan. Salam untukmu wahai Nabi, rahmat Allah dan berkat-Nya. Selamat kiranya untuk kami, dan untuk para hamba Allah yang salih.

Aku mengaku bahawa sesungguhnya tidak ada Tuhan melainkan hanya Allah, dan sesungguhnya Muhammad itu hambaNya dan Rasul-Nya).” Apabila kamu baca bacaan itu, bererti kamu telah memberi salam kepada seluruh hamba Allah yang soleh di mana saja pun mereka berada, di langit maupun di bumi....sambungan lafaz syahadah”

(Sahih al-Bukhari, 788).

LAFAZ TASYAHHUD DI BUMI ATAU KETIKA MIKRAJ KE LANGIT?

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّهُ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُنَا التَّشَهُّدَ كَمَا يُعَلِّمُنَا الْقُرْآنَ وَكَانَ يَقُولُ التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Abdullah bin 'Abbas berkata Rasulullah mengajar kami bacaan tasyahhud (secara khusus) sebagaimana baginda mengajar kami al-Quran. Apa yang baginda ajar adalah (lafaz tasyahhud sehingga akhir) (Sahih Muslim, 610 & Sunan Abu Dawud, 828).

ابْنُ مَسْعُودٍ يَقُولُ عَلَّمَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَفَى بَيْنَ كَفَّيْهِ التَّشَهُّدَ كَمَا يُعَلِّمُنِي السُّورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ
التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ وَالصَّلَوَاتُ وَالطَّيِّبَاتُ السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَهُوَ بَيْنَ ظَهْرَانَيْنَا فَلَمَّا قُبِضَ قُلْنَا السَّلَامُ يَغْنِي عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Abdullah bin Mas'ud berkata; Rasulullah memegang erat tanganku dan mengajarku bacaan tasyahhud (secara khusus) sebagaimana baginda mengajarku surah al-Quran.. **“Segala kehormatan untuk Allah, segala keberkatan dan segala kebaikan. Salam untukmu wahai Nabi, rahmat Allah dan berkat-Nya. Selamat kiranya untuk kami, dan untuk para hamba Allah yang salih. Aku mengaku bahawa sesungguhnya tidak ada Tuhan melainkan hanya Allah, dan sesungguhnya Muhammad itu hambaNya dan Rasul-Nya).”** Bacaan ini kami baca ketika Baginda masih hidup. Selepas Baginda wafat kami tukar - **Salam sejahtera ke atas Nabi SAW** (Sahih al-Bukhari, 5794).

KEFARDHUAN SOLAT MALAM UNTUK BAGINDA

وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰ أَن يَبْعَثَكَ رَبُّكَ
مَقَامًا مَّحْمُودًا

Dan bangunlah pada sebahagian waktu malam serta kerjakanlah "solat tahajjud" padanya, sebagai solat tambahan bagimu; semoga Tuhanmu membangkit dan menempatkanmu pada hari akhirat di tempat yang terpuji (al-Isra' 17:79).



يَا أَيُّهَا الْمُزَّمِّلُ (1) قُمْ اللَّيْلَ إِلَّا قَلِيلًا (2) نِصْفَهُ أَوْ انْقُصْ مِنْهُ
قَلِيلًا (3) أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا (4)

Wahai orang yang berselimut! Bangunlah solat Tahajjud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat tidak untuk berehat), iaitu separuh daripada waktu malam, atau kurangkan sedikit daripada separuh itu, Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Quran dengan "Tartil"
(al-Muzzammil 73:1-4) .



KELEBIHAN SOLAT MALAM UNTUK UMAT BAGINDA SAW

تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ (16) فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا أُخْفِيَ لَهُمْ مِنْ قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (17)

Mereka merenggangkan diri daripada tempat tidur, (kerana mengerjakan solat malam dan amal soleh); mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (kemurkaan-Nya) serta dengan perasaan ingin memperolehi lagi (keredaan-Nya); dan mereka selalu pula mendermakan sebahagian daripada apa yang Kami beri kepada mereka. Maka tiada siapa pun yang tahu apa persediaan yang dirahsiakan untuk mereka (ni'mat syurga) yang indah dipandang dan mengembirakan, sebagai ganjaran bagi amal soleh yang mereka kerjakan (al-Sajdah 32:16-17).

عَبْدُ اللَّهِ بْنُ سَلَامٍ قَالَ لَمَّا قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ انْجَفَلَ النَّاسُ قَبْلَهُ وَقِيلَ قَدْ قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ قَدْ قَدِمَ رَسُولُ اللَّهِ ثَلَاثًا فَجِئْتُ فِي النَّاسِ لَأَنْظُرَ فَلَمَّا تَبَيَّنْتُ وَجْهَهُ عَرَفْتُ أَنَّ وَجْهَهُ لَيْسَ بِوَجْهِ كَذَّابٍ فَكَانَ أَوَّلُ شَيْءٍ سَمِعْتُهُ تَكَلَّمَ بِهِ أَنْ قَالَ يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَفْشُوا السَّلَامَ وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ وَصِلُوا الْأَرْحَامَ وَصَلُّوا بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ

Abdullah bin Salam RA berkata, Apabila nabi SAW tiba di Madinah, orang ramai datang berkerumun kepadanya seraya berkata “Rasulullah SAW sudah sampai (sebanyak 3 kali).” Aku pun datang bersama manusia untuk melihat. Apabila jelas wajahnya (padaku), aku kenal wajahnya bukan wajah pendusta. Antara pesanan awal yang aku dengar daripadanya adalah sabdanya: “Wahai sekalian manusia, **SEBARKAN (UCAPAN) SALAM, BERILAH MAKAN (KEPADA YANG MEMERLUKAN), SAMBUNGLAH HUBUNGAN PERSAUDARAAN, SOLATLAH PADA WAKTU MALAM KETIKA MANUSIA SEDANG TIDUR**, nescaya kamu semua akan masuk syurga dengan sejahtera (Sunan Ibn Majah, 3242).

SOLAT MALAM SIFAT HAMBA KESAYANGAN ALLAH

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا (63) وَالَّذِينَ يَبِيتُونَ لِرَبِّهِمْ سُجَّدًا
وَقِيَامًا (64)

Dan hamba (Allah) Ar-Rahman (yang diredhaiNya), ialah mereka yang berjalan di bumi dengan sopan santun, dan apabila orang yang berkelakuan kurang adab, hadapkan kata-kata kepada mereka, mereka menjawab dengan perkataan yang selamat dari perkara yang tidak diingini; Dan mereka (yang diredhai Allah itu ialah) **YANG TEKUN MENGERJAKAN IBADAT KEPADA TUHAN MEREKA PADA MALAM HARI DENGAN SUJUD DAN BERDIRI**, (al-Furqan 25:63-64).

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّاتٍ وَعُيُونٍ (15) آخِذِينَ مَا آتَاهُمْ رَبُّهُمْ إِنَّهُمْ كَانُوا قَبْلَ ذَلِكَ مُحْسِنِينَ (16) كَانُوا قَلِيلًا مِنَ اللَّيْلِ مَا يَهْجَعُونَ (17) وَبِالْأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُونَ (18)

Sesungguhnya orang yang bertaqwa ditempatkan dalam taman Syurga, dengan mata-air terpancar padanya.

(Keadaan mereka di sana) sentiasa menerima nikmat dan rahmat yang diberikan kepadanya oleh Tuhan mereka.

Sesungguhnya mereka di dunia dahulu adalah orang yang berbuat kebaikan. **MEREKA SENTIASA MENGAMBIL SEDIKIT SAHAJA: MASA DARI WAKTU MALAM, UNTUK MEREKA TIDUR.** Dan pada waktu akhir malam (sebelum fajar) pula, mereka selalu beristighfar kepada Allah (memohon ampun) (al-Dhariyat 51:15-18).

MASJID BAGINDA ADALAH MASJID TERAKHIR

فَإِنِّي آخِرُ الْأَنْبِيَاءِ وَإِنَّ مَسْجِدِي آخِرُ الْمَسَاجِدِ

Aku adalah nabi terakhir dan masjidku adalah masjid terakhir (yang diberi kelebihan gandaan pahala bersama dua masjid lain, Masjid al-Haram & Masjid al-Aqsa. Atau masjid terakhir yang dibina para nabi, atau masjid yang kekal wujud sampai akhir zaman, atau masjid terakhir yang musnah)

(Sahih Muslim,2471)



BAGINDA TERPELIHARA DARIPADA SEBARANG GANGGUAN SYAITAN

وَالنَّجْمِ إِذَا هَوَىٰ (1) مَا ضَلَّ صَاحِبُكُمْ وَمَا غَوَىٰ (2) وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ (3) إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ (4)

Demi bintang semasa ia menjunam, Rakan kamu (Nabi Muhammad yang kamu tuduh dengan berbagai tuduhan itu), tidaklah dia menyeleweng (daripada jalan yang benar), dan dia pula tidak sesat (dengan kepercayaan yang salah). Dan dia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya (al-Najm 53:1-4).

BAHAGIAN SYAITAN PADA JANTUNG NABI DIBUANG?

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَاهُ جِبْرِيلُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَلْعَبُ مَعَ الْغِلْمَانِ فَأَخَذَهُ فَصَرَعَهُ فَشَقَّ عَنْ قَلْبِهِ فَاسْتَخْرَجَ الْقُلْبَ فَاسْتَخْرَجَ مِنْهُ عِلْقَةً فَقَالَ هَذَا حَظُّ الشَّيْطَانِ مِنْكَ ثُمَّ غَسَلَهُ فِي طَسْتٍ مِنْ ذَهَبٍ بِمَاءٍ زَمْزَمَ ثُمَّ لَأَمَهُ ثُمَّ أَعَادَهُ فِي مَكَانِهِ وَجَاءَ الْغِلْمَانُ يَسْعَوْنَ إِلَى أُمِّهِ يَعْنِي ظُئْرَهُ فَقَالُوا إِنَّ مُحَمَّدًا قَدْ قُتِلَ فَاسْتَقْبَلُوهُ وَهُوَ مُنْتَقِعُ اللَّوْنِ قَالَ أَنَسٌ وَقَدْ كُنْتُ أَرَى أَثَرَ ذَلِكَ الْمَخِيطِ فِي صَدْرِهِ

Anas bin Malik menceritakan Rasulullah SAW didatangi Jibril ketika baginda sedang bermain dengan kanak-kanak. Jibril membawa baginda lalu membedah dan mengeluarkan jantungnya. Ketika mengeluarkan jantung itu, **JIBRIL MENGELUARKAN SEKETUL DARAH SAMBIL BERKATA: “INI ADALAH BAHAGIAN SYAITAN PADAMU.”** Jibril kemudiannya membasuh jantung itu dalam bekas emas berisi air zam-zam. Setelah itu, jantung baginda dikembalikan ke tempat asalnya. Selepas itu kanak-kanak yan bermain bersama Rasulullah bergegas bertemu ibu susuan baginda sambil berkata: Muhammad telah dibunuh. Mereka semua bergegas ke tempat baginda dan mendapati baginda (masih hidup) berubah warna (kulitnya, pucat). **Anas juga memberitahu dia pernah melihat kesan jahitan itu pada dada baginda** (Sahih Muslim, 236).

ISLAMNYA QARIN (JIN ATAU SYAITAN PENDAMPING) BAGINDA

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا وَقَدْ وَكَّلَ بِهِ قَرِينُهُ مِنَ الْجِنِّ قَالُوا وَإِيَّاكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ وَإِيَّايَ إِلَّا أَنَّ اللَّهَ أَعَانَنِي عَلَيْهِ فَأَسْلَمَ فَلَا يَأْمُرُنِي إِلَّا بِخَيْرٍ

Abdullah bin Mas'ud berkata Rasulullah SAW bersabda: “Setiap kamu memiliki jin pendamping.” Para sahabat bertanya: “Adakah Tuan juga memilikinya?” Rasulullah menjawab: **“Ya! Aku juga memilikinya, akan tetapi Allah membantuku mengatasinya lalu dia memeluk Islam dan tidak mendorongku melakukan sesuatu melainkan yang baik sahaja (Sahih Muslim, 5034).**

QARIN JIN DAN MALAIKAT?

مَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا وَقَدْ وَكَّلَ بِهِ قَرِينُهُ مِنَ الْجِنِّ وَقَرِينُهُ مِنَ الْمَلَائِكَةِ قَالُوا وَإِيَّاكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ
وَإِيَّايَ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَعَانَنِي عَلَيْهِ فَلَا يَأْمُرُنِي إِلَّا بِالْحَقِّ

“Setiap kamu memiliki **pendamping dalam kalangan jin dan malaikat.**” Para sahabat bertanya: “Adakah Tuan juga memilikinya?” Rasulullah menjawab: “**Ya! Aku juga memilikinya, akan tetapi Allah membantuku mengatasinya lalu dia memeluk Islam dan tidak mendorongku melakukan sesuatu melainkan yang baik sahaja** (Musnad Ahmad, no 3466).

NASAB (HUBUNGAN DARAH) DAN PERSEMENDAAN DENGAN BAGINDA TAK PUTUS SEHINGGA KIAMAT?

كُلُّ سَبَبٍ وَنَسَبٍ مُنْقَطِعٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِلَّا سَبِيَّ وَنَسَبِيَّ

Semua hubungan darah dan persemendaan terputus (manfaatnya) pada hari kiamat melainkan hubungan darah dan persemendaan denganku

(Mustadrak al-Hakim)

فَاطِمَةُ مُضْغَةٌ مِّنِّي يَقْبِضُنِي مَا قَبَضَهَا وَيَبْسُطُنِي مَا بَسَطَهَا وَإِنَّ الْأَنْسَابَ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ تَنْقَطِعُ غَيْرَ نَسَبِي وَسَبِي وَصِهْرِي

Fatimah sebahagian daripadaku, menyedihkanku apa yang menyedihkannya. Menggembirakanku apa yang menggembirakannya. **Sesungguhnya semua hubungan nasab (darah) pada hari kiamat akan terputus selain hubungan nasab dan persemendaan denganku (Musnad Ahmad, 18149).**


BERCANGGAH DENGAN AYAT INI?

فَإِذَا نُفِخَ فِي الصُّورِ فَلَا أَنْسَابَ بَيْنَهُمْ يَوْمَئِذٍ وَلَا يَتَسَاءَلُونَ (101) فَمَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (102) وَمَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنْفُسَهُمْ فِي جَهَنَّمَ خَالِدُونَ (103)

Kemudian, apabila ditiup sangkakala, **MAKA PADA HARI ITU TIDAK ADA LAGI MANFAAT PERTALIAN KERABAT DI ANTARA MEREKA, DAN TIDAK PULA SEMPAT MEREKA BERTANYA-TANYAAN.**

Maka sesiapa yang berat timbangan amal baiknya, maka mereka itulah orang yang berjaya. Dan sesiapa yang ringan timbangan amal baiknya, maka merekalah orang yang merugikan dirinya sendiri; mereka kekal di dalam neraka Jahannam - (al-Mu'minun 23:101-103).

PERBEZAAN PANDANGAN ANTARA 2 KUMPULAN ULAMA YANG MENERIMA HADITH TERSEBUT SEBAGAI SAHIH ATAU DHAIF (HADITH LEMAH)



PANDANGAN YANG TERIMA HADITH

- **KHUSUS UNTUK KELUARGA BAGINDA YANG BERIMAN SAHAJA**
- **NASAB (NISBAH SANDARAN) UMAT BAGINDA KEPADANYA PADA HARI KIAMAT, SEDANGKAN UMAT LAIN TIDAK DISANDARKAN KEPADA PARA NABI MEREKA.**

PANDANGAN MENOLAK HADITH TERSEBUT



SARANAN AGAR BERAMAL SENDIRI BUKANNYA MENGHARAP KETURUNAN

قَالَ يَا مَعْشَرَ قُرَيْشٍ أَوْ كَلِمَةً نَحْوَهَا اشْتَرُوا أَنْفُسَكُمْ لَا أُغْنِي عَنْكُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا يَا بَنِي عَبْدِ مَنَافٍ لَا أُغْنِي عَنْكُمْ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا يَا عَبَّاسُ بْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ لَا أُغْنِي عَنْكَ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَيَا صَفِيَّةُ عَمَّةَ رَسُولِ اللَّهِ لَا أُغْنِي عَنْكَ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَيَا فَاطِمَةُ بِنْتُ مُحَمَّدٍ سَلِينِي مَا شِئْتَ مِنْ مَالِي لَا أُغْنِي عَنْكَ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا

Wahai orang Quraysh, beli-lah dirimu (dengan mentaati Allah) beramal-lah untuk diri kamu sendiri (kerana) Aku tak dapat membantu kamu sedikit pun daripada azab Allah. Wahai Bani Abdul Manaf Aku tak dapat membantu kamu sedikit pun daripada azab Allah. Wahai 'Abbas bin Abdul Mutalib Aku tak dapat membantu kamu sedikit pun daripada azab Allah. Wahai Safiyyah ibu saudara Rasulullah, Aku tak dapat membantu kamu sedikit pun daripada azab Allah. Wahai Fatimah binti Muhammad, mintalah apa yang kamu mahu daripada hartaku (kerana) Aku tak dapat membantu kamu sedikit pun daripada azab Allah (Sahih al-Bukhari, 2548).

KEMULIAAN DIPEROLEHI DENGAN TAQWA

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah cipta kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami jadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu saling berkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). **SESUNGGUHNYA SEMULIA-MULIA KAMU DI SISI ALLAH IALAH ORANG YANG LEBIH TAQWANYA DI ANTARA KAMU, (BUKAN YANG LEBIH KETURUNAN ATAU BANGSANYA).** Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu) (al-Hujurat 49:13).

KETURUNAN TAK AKAN CEPATKAN LANGKAH KE SYURGA

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا مِنْ رَجُلٍ
يَسْلُكُ طَرِيقًا يَطْلُبُ فِيهِ عِلْمًا إِلَّا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقَ الْجَنَّةِ وَمَنْ
أَبْطَأَ بِهِ عَمَلُهُ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ

Tidak ada seorang lelaki pun yang melalui satu jalan untuk menuntut ilmu, melainkan Allah akan memudahkan untuknya satu jalan ke syurga.
DAN SESIAPA YANG AMALANNYA LAMBAT, KEMULIAAN KETURUNANNYA TIDAK AKAN MEMPERCEPATKAN LANGKAHNYA (KE SYURGA) (Sunan Abu Dawud, 3158).




KAJIAN MASTER

الأحاديث الواردة في شأن السبطين الحسن والحسين : جمعا
وتخریجا ودراسة وحكما, بقلم عثمان بن محمد الحمد الخميس

Hadith yang wujud dalam
membincangkan 2 keluarga al-Hasan &
al-Husayn: Usaha pengumpulan dan
penelitian hadith serta kajian
mendalam terhadapnya

Karya: 'Uthman bin Muhammad al-
Hamd al-Khamis




WAJIB CINTAI NABI MELEBIHI SEGALANYA

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِينُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ

Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika bapa kamu, anak kamu, saudara kamu, isteri (atau suami) kamu, kaum keluarga kamu, harta benda yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu bimbang akan merosot dan rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - **(jika semuanya itu) menjadi perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan Rasul-Nya dan (daripada) berjihad untuk agama-Nya**, maka tunggulah sehingga Allah datangkan keputusan-Nya (azab-Nya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang yang fasik (derhaka) (al-Tawbah 9:24).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ

Demi yang jiwaku berada di tangannya, seseorang kamu tidak (sempurna) imannya sehinggalah aku (Rasulullah SAW) lebih dicintainya melebihi (cintanya pada) ibu bapa dan anaknya (Sahih al-Bukhari, 13).



SEMUA NAMA BAGINDA MENGGAMBARKAN SIFATNYA

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِي خَمْسَةٌ
أَسْمَاءُ أَنَا مُحَمَّدٌ وَأَحْمَدُ وَأَنَا الْمَاحِي الَّذِي يَمْحُو اللَّهُ بِي الْكُفْرَ وَأَنَا الْحَاشِرُ الَّذِي يُحْشَرُ النَّاسُ عَلَى قَدَمِي
وَأَنَا الْعَاقِبُ

Aku punyai 5 nama. Akulah Muhammad (Yang terpuji), dan Ahmad (Paling terpuji). Aku juga penghapus yang memusnahakan kekufuran. Aku juga pembangkit kerana manusia dibangkitkan Allah di bawah tapak kakiku. Aku juga penutup (para nabi) (Sahih al-Bukhari, 3268).

HANYA 5 NAMA SAHAJA?

وَالَّذِي يَظْهَرُ أَنَّهُ أَرَادَ أَنَّ لِي خَمْسَةَ أَسْمَاءٍ اخْتَصَّ بِهَا لَمْ يُسَمَّ بِهَا أَحَدٌ قَبْلِي ، أَوْ مُعَظَّمَةٌ أَوْ مَشْهُورَةٌ فِي الْأُمَمِ الْمَاضِيَةِ ، لَا أَنَّهُ أَرَادَ الْحَصْرَ فِيهَا . قَالَ عِيَّاضُ : حَمَى اللَّهُ هَذِهِ الْأَسْمَاءَ أَنْ يُسَمَّى بِهَا أَحَدٌ قَبْلَهُ ، وَإِنَّمَا تَسَمَّى بَعْضُ الْعَرَبِ مُحَمَّدًا قُرْبَ مِيلَادِهِ لِمَا سَمِعُوا مِنَ الْكُتَّانِ وَالْأَخْبَارِ أَنَّ نَبِيًّا سَيُبْعَثُ فِي ذَلِكَ الزَّمَانِ يُسَمَّى مُحَمَّدًا فَرَجُوا أَنْ يَكُونُوا هُمْ فَسَمَّوْا أَبْنَاءَهُمْ بِذَلِكَ ،

Yang nyata, maksud nabi “aku punyai 5 nama” bermaksud “itu adalah nama KHUSUS untuknya dan tak pernah diberikan kepada sesiapa pun sebelumku,” atau ia tanda keagungan atau kemasyhuran pada umat lampau, bukannya nama baginda hanya terbatas pada nama tersebut sahaja. Qadhi ‘Iyadh berkata: “Allah menjaga semua nama ini agar ia tidak digunakan oleh sesiapa sebelum baginda. Pun begitu, ada juga sebahagian orang Arab dinamakan Muhammad ketika baginda SAW hampir lahir, (ini berlaku) apabila mereka dengar ramalan pawang dan pendeta (Yahudi Nasrani) yang mengatakan akan ada seorang nabi dibangkitkan pada zaman itu dinamakan Muhammad. Mereka harap nabi itu dalam kalangan mereka. Oleh itu mereka menamakan anak mereka dengan nama Muhammad (Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari).

**BANYAK NAMA MENUNJUKKAN KEMULIAAN
EMPUNYA NAMA**

**RASULULLAH, NABIYYALLAH, AMIRUL MU'MININ,
TUANKU, SULTAN, TUN, TAN SRI, DATUK SRI, DATOK,
TUAN HAJI, ORANG KAYA**

KESIMPULAN NAMA NABI SAW

1) KHUSUS UNTUK BAGINDA SAHAJA TANPA PERKONGSIAN DENGAN NAMA ORANG LAIN SEPERTI 5 NAMA DALAM HADITH TERDAHULU

2) NAMA YANG DIKONGSI BERSAMA PARA NABI LAIN SEPERTI RASULULLAH, NABIYULLAH, HAMBA ALLAH, SAKSI UMAT, PEMBAWA KHABAR GEMBIRA DAN PEMBERI AMARAN




**TO BE
CONTINUED...**

BUKU BULAN INI



USTAZ AHMAD ZAHIRUDDIN ZABIDI
STAFF DI IIUM PRESS



ULAS TENTANG PUNCA KECELARUAN AKIDAH BERKENAAN ALAM GHAIB DALAM KALANGAN ORANG MELAYU



KEDAI yang menjual pelbagai barangan berunsur syirik dan khurafat yang beroperasi di Sepang, Selangor dekat sini.

Jenglot dibida RM25,000

■ KUALA LUMPUR 19 JAN.

MESKIPUN dunia dikatakan sudah berubah dan terus dipacu dengan arus kemodenan, namun masih ada kelompok yang menaruh kepercayaan terhadap pelbagai barangan berunsur khurafat dan tahayul malah dijual secara terbuka termasuk menerusi dalam talian.

Lebih mengejutkan, harga ditawarkan bukan calang-calang, malah mencecah puluhan ribu ringgit bergantung kepada barangan diminta daripada minyak pengasih buluh perindu, besi kuning yang kononnya untuk pemakainya menjadi kebal sehingga

galah kepada patung saka belian seperti jenglot.

Hasil penelitian *Mingguan Malaysia* terhadap seorang penjual barangan seumpama itu, peniaga terabit menggunakan konsep bidaan yang mana harga mula adalah di antara RM70 sehingga RM25,000 berdasarkan keunikan dan kelebihan-nya.

Harga mula tertinggi setakat ini bernilai RM25,020 bagi jenglot berupa ikan duyung yang didakwa diperolehi dari Indonesia.

Jenglot yang didak-



MINYAK pengasih buluh perindu yang dijual dengan harga sekitar RM250.


wa asli berusia ribuan tahun itu dikatakan akan memberikan pelbagai kelebihan kepada pemiliknya antaranya beroleh kekayaan dengan mudah, perlindungan diri dan sentiasa kelihatan muda.

Bagi minyak pengasih pula, ia boleh dibida serendah RM70 ataupun dibeli secara terus dengan harga sekitar RM90 hingga RM250.

Penggunaan minyak tersebut didakwa berupaya melariskan perniagaan, menjamin keharmonian mereka yang berpoligami selain memikat pasangan.

Berdasarkan perbualan wartawan dengan penjual terabit, *Mingguan Malaysia* difahamkan bahawa mereka mempunyai kedai yang beroperasi di Sepang, Selangor dekat sini.

Tinjauan mendapati, kedai



JENGLOT ikan duyung yang didakwa asli dan berasal dari negara Jiran Indonesia.



SALAH seorang pekerja kedai berkenaan menunjukkan minyak pengasih buluh perindu yang berharga RM90.

berkenaan turut menjual pelbagai senjata tradisional, wafak atau tulisan azimat serta cincin batu permata yang dikhabarkan mempunyai 1,001 kelebihan.

Penjual turut mendakwa, terdapat kira-kira 5,000 jenis barangan sedemikian dan sentiasa laris dibeli pelanggan yang mendambakan keistimewaan-nya.

Lebih menghairankan, premis berkenaan tidak putus dikunjungi pelanggan dari seluruh pelosok negara khususnya pada hujung minggu.

"Minyak pengasih adalah antara barangan paling laris, pelanggan kami bukan sahaja dalam kalangan orang biasa sahaja malah ramai golongan kenamaan turut mendapatkan barangan di sini," dakwa salah seorang pembantu kedai tersebut.

Skop kesalahan pemujaan perlu diperluas

KUALA LUMPUR 19 Jan. - Penggubalan semula seksyen melabatkan kesalahan pemujaan dalam enakmen jenayah syariah di setiap negeri wajar dipertimbangkan segera dalam usaha mengekang penjualan barangan

Selangor, pemujaan salah hanya didefinisikan sebagai memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan



menyebabkan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan. "Di negeri-negeri lain pun sama, undang-undang sedia ada tidak je-

meskipun zaman telah berubah, namun fikiran umat Islam masih dijajah dengan perkara karut sebegini," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Mahyuddin yang juga pengamal perubatan

BILAL MASJID SIMPAN KITAB CARA NAK SIHIR ORANG?

The National University of Malaysia

UTAMA BERITA KATEGORI BERITA VIDEO FOTO KERATAN AKHBAR ARKIB BERITA HUBUNGI KAMI

Manuskrip Melayu yang Menggemparkan

0 SHARES

KHAMIS, 17 OKTOBER 2013 10:16



Oleh Saiful Bahri Kamaruddin
Foto Shahiddan Saidi dan ihsan SOAS

BANGI, 8 Okt 2013 – Sebuah manuskrip lama Melayu mengenai ilmu ghaib yang dihasilkan lebih seratus tahun lalu untuk seorang bilal masjid, menunjukkan gambar dan grafik yang jelas dipengaruhi agama Hindu dan Buddha.

Penyelidik budaya dan manuskrip Melayu, Dr Farouk Yahya berkata manuskrip itu menunjukkan bagaimana orang Melayu zaman lampau meminati amalan sihir dan jampi serapah yang menyimpang dari asas Islam.



Apa yang memeranjatkan para hadirin di wacana itu ialah bagaimana manuskrip yang dimiliki orang Islam itu memberi keterangan bagaimana untuk “membuat” orang melalui jampi. Menurut naskah itu, rajah dan gambar tubuh manusia hendak dilukis di atas tanah dengan nama si mangsa dan ayat suci Al-Quran tertentu, lalu orang yang hendak membuat sihir perlu buang air besar atau kecil atau ludah ke atas lakaran.

Manuskrip itu pernah dimiliki warga Kota Bharu yang dikenali sebagai Tuan Bilal Hj Yusuf Bilal di antara tahun 1906 dan 1907. Beliau dipercayai bilal di sebuah masjid yang dinamakan masjid raja di bandar itu. Bagaimana pun kajian menunjukkan tidak ada masjid demikian 100 tahun lalu di seluruh Kelantan.

(Dr Farouk Yahya, pemegang PhD dari SOAS dengan tesis bertajuk “ Magic and Divination: The Malay Tradition In Illustrated Manuscripts”).

ULAS KEPINCANGAN ORANG MELAYU PADA RANGKAP KEDUA AYAT 5 AL-FATIHAH

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Engkaulah sahaja (Ya Allah) Yang Kami sembah, **DAN KEPADA
ENGKAULAH SAHAJA KAMI MEMOHON PERTOLONGAN.**

BAB WAJIB BACA

Bab kedua dan ketiga di mana penulis menyebutkan akar sejarah yang meliputi alam Melayu sebelum kedatangan Islam. Bila membaca bab ini, Insya-Allah akan jelas kepada kita kenapa kerancuan pemikiran akidah perihal perkara ghaib begitu ketara dalam alam Melayu. Tambah menarik apabila penulis menyenaraikan lambakan karya mengenai hakikat mistik berkaitan mambang, kaedah berubat, sihir dan sebagainya yang ditulis oleh para Orientalis. Semua karya ini sedikit sebanyak menampakkan betapa pekatnya sinkretisme akidah orang Melayu lampau.

JUMPA BOMOH, USKUN (USTAZ-DUKUN) ATAS ALASAN IKHTIAR?

Bagi orang yang masih keliru apa hukum bertemu bomoh, sihir dan sebagainya, bab kelima sangat penting kerana penulis menyenaraikan segala nass berkaitan perkara tersebut dengan jelas. Pendek kata, setelah selesai membaca bab kelima para pembaca yang ikhlas mahukan penjernihan akidah berkaitan perkara ghaib akan bertemu ubatnya yang mujarab. Saya yakin, peminat bomoh dan pawang akan segera sujud bertaubat pada Allah setelah bab kelima dihadap.

DAPATKAN BUKU INI:

Ustaz Zahiruddin - 0139698869

IIUM PRESS